



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

Bahagian Penguatkuasa,
No. 13, Aras 2 & 3,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603-8882 5500
Faks: 603-8882 6171
Laman Web: www.kpdnhep.gov.my

Fail Kami : KPDNKK.100-2/2/4

Tarikh : 6 Januari 2021

Pengurus

Syarikat Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM),
No. 3, Jalan 33/10A,
Kawasan Perindustrian IKS,
Mukim Batu, 68100 Kuala Lumpur.

Pengurus

Syarikat De Metrology Sdn Bhd (DMSM),
No. 9, Jalan BA 4/1,
Kawasan Perindustrian Bukit Angkat 4,
43000 Kajang, Selangor.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN PERINTAH BENTUK ATAU PENENTUAN BAGI TIMBANG ATAU
SUKAT ATAU ALAT TIMBANG ATAU SUKAT 1981 UNTUK TUJUAN
PERDAGANGAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Bahagian Penguat Kuasa bil. KPDN/PGK(SK)/1/1/2(28) bertarikh 21 November 2018 serta KPDNKK.100-2/2/4 bertarikh 11 Disember 2019.

2. Berikutan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi tahun 2020 di seluruh negara yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri bermula 18 Mac 2020 yang lalu, banyak sektor perdagangan dan perindustrian terjejas kerana tidak dapat beroperasi dan diarahkan tutup. Syarikat Dilantik (SDL), pelesen Timbang dan Sukat serta industri-industri yang menggunakan alat timbang dan sukat juga tidak terkecuali dari menghadapi situasi dan keadaan ini.



3. Bahagian Penguat Kuasa telah meneliti perkara ini dan mendapati situasi tersebut telah memberi kesan kepada pelaksanaan arahan Pengarah Penguat Kuasa yang dikeluarkan sebelum ini berkaitan pematuhan perintah bentuk ke atas alat-alat timbang dan sukat untuk tujuan perdagangan oleh pihak pelesen timbang sukat.

4. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini telah bersetuju dan memutuskan supaya tugas-tugas penentusahan semula bagi alat-alat timbang dan sukat yang **PERNAH DITENTUSAHKAN** oleh SDL yang masih tidak memiliki kelulusan bentuk daripada Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan **boleh diteruskan sehingga 30 Jun 2021**.


5. Dengan ini, SDL diwajibkan mematuhi Akta Timbang dan Sukat 1972 serta subsidiarinya bagi timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan mengikut tempoh yang ditetapkan di atas dan memaklumkan perkara ini kepada pelesen timbang dan sukat khususnya pembaik alat timbang dan sukat.

6. Bersama-sama surat ini dilampirkan arahan terdahulu untuk makluman dan rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dan dipohon untuk mengambil maklum arahan di atas serta didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMAN BIN ADAM)
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna.